

RAHSIA KEKUATAN KITA

“Orang Mukmin akalunya tajam, tinjauannya dalam, pendapatnya tepat, basirahnya menembusi tabir-tabir yang menyelubungi alam ini. Ia melihat apa yang tidak dilihat oleh orang lain, dan merasai apa yang tidak dirasai orang lain. Perdiriannya kukuh dan teguh ibarat gunung batu. Kerana apa? Kerana nur iman yang bersemayam di dalam kalbunya” – kata Tuan Haji Muhammad Tahir Daeng Mangati, Ikhwan 1836 – Pengarang Qalam.

(Oleh: Haji Muhammad Tahir)

Kalau ditakdirkan seorang datang bertanya: Di mana letak kekuatan kita?

Macam-macamlah jawapan manusia terhadap soal yang maha penting ini. Orang kaya mengatakan kekuatan itu terletak pada kekayaan, yang berpangkat menjawa terletak pada pangkat, manakala orang pandai berperilaku menyatakan dengan segala ketegasan dan ketangkasan bahawa kekuatan itu terletak pada kepintaran – yang satu mengatakan di sini manakala yang lain menegaskan di situ. Mana satu yang harus dipegang? Masing-masing golongan mengemukakan alasan-alasan dan hujah-hujah yang seolah-olah masuk pada akal sehingga kita bingung dibuatnya.

Jawapan yang bersimpang siur itu tadi tidak tiba kepada pati masalah yang sebenarnya.

Jangan kita bingung! Cuba tinggalkan semua jawapan yang bersimpang siur itu. Kembali kepada jawapan menurut ukuran Islam. Menurut ukuran Islam yang telah dibuktikan oleh sejarah dan disaksikan oleh kenyataan, bahawa kekuatan itu terletak pada iman, pada kedua kalimah syahadah. Kerana kalimah itulah anak kunci langit dan bumi, jambatan perhubungan antara Tuhan Rabbulalamin dan hamba-Nya, antara jasmani dan rohani, antara tubuh kasar dan jiwa yang halus.

Ashhadu an lā ilāha illā Allāh, wa ashhadu anna Muḥammadan rasūl Allāh.

Inilah kalimah tauhid kalimah persamaan dan persatu paduan, inilah kalimah sakti sumber segala kekuatan, lambang kenangan dan cogan kejayaan kita, dasar pokok segala kesedaran dan keinsafan kita, pangkal segala kepandaian kita, rahsia segala kecerdasan dan kecergasan kita. Dari sanalah mengalirnya segala rahmat bahagia rohani dan jasmani kita dunia dan akhirat. Dari sana jugalah memancarkan segala sifat-sifat kemanusiaan yang sempurna dan terpuji (*al-kamālāt al-insāniyyah*) dan akhlak yang mulia (*al-akhlāq al-karīmah*), dan dari kalimah inilah timbulnya tiap-tiap *revolution* dalam segala segi kehidupan manusia yang membawa rahmat dan kesentosaan di seluruh alam.

Setelah kita mengucapkan dua kalimah syahadah ini dengan pengucapan yang timbul dari jantung hati dan didorong oleh jiwa yang penuh kesedaran dan keyakinan, runtuhlah semua penjajahan dan perhambaan dari hati, terkikis habislah segala syirik dan khurafat yang selama ini bersama di dalam sanubari kita, dan hapuslah salah semua karut marut Jahiliyah yang membelenggu dan mengongkong jiwa dan jantung kita, yang kesemuanya itu meracuni sukma dan semangat kita. Tegasnya segala pengaruh jahiliah hancur lebur dari damir kita. Kegelapan keraguan dan syak wasangka hilang lenyaplah dari sanubari kita kerana terbitnya nur iman, cahaya ilmu

keyakinan di dalam hati kita. Kerana meresapnya makna dan hakikat kalimah tauhid di dalam jiwa kita, laksana hapusnya kegelapan malam tatkala matahari memancarkan sinar cahayanya dari ufuk timur sebelah sana pada pagi hari “*fa ishraqat al-arḍ bi nūr rabbihā*”, maka bersinarlah bumi itu dengan nur Tuhannya.

Pada waktu itu saudara, kita telah menjadi Mukmin. Hiduplah jiwa kita, sinar seminarlah jantung kita. Bercahayalah akal fikiran kita, dengan sendirinya semangat rohani kita menyala-nyala dengan nyala iman, membangkitkan kita berdiri tegap siap sedia setiap waktu sanggup dan redha menjadi *ḥizbu Allāh*, tentera Tuhan *al-Raḥman al-Raḥīm*, di mana sahaja kita berada.

Pada saat itulah kita dilahirkan sebagai putera Islam – *fityatun āmanū rabbahum wa zidnāhum hudān* – berkat terbitnya iman, nur Ilahi itu di dalam hati kita, jiwa kita menjadi jiwa Islam, roh dan semangat kita menjadi Islam, akal fikiran kita menjadi Islam, yang menyebabkan seluruh anggota kita, segala gerak geri kita, segala tindak laku kita, budi pekerti kita semuanya menjadi Islam. Tegasnya rohani dan jasmani kita menjadi Islam, hidup dan mati kita kerana Allah semata-mata. *Inna ṣalātī wa nusukī wa maḥyāya wa mamātī lillāh rabb al-‘ālamīn. Lā sharīka lahu wa bidhalika umirtu wa anā min al-muslimīn*. Zahir batin kita menjadi tafsiran kalimah: *Naḥnu anṣār Allāh*, kita penolong Allah.

Inilah rahsia firman Allah Taala: *Awa man kāna maytan fa aḥyaynāhu wa ja’alnā lahu nūran yamshī bihi fī al-nās kaman mathaluhu fī al-ẓulumāti laysa bi khārijin minhā* (adakah orang yang tadinya mati, kemudian kami hidupkan dia dan kami jadikan baginya nur cahaya yang dengannya ia berjalan di antara manusia, adakah sama dengan orang yang ada dalam gelap gelita yang tidak dapat keluar daripadanya? Jawabnya sudah tentu tidak

sama. Seperti perbezaan langit dan bumi.

Apakah gerangan sebab segala perubahan yang meliputi itu begitu pesat dan pasti?

Sebab segala itu kerana hidayah dan taufik Ilahi memimpin kita: *Faman yakfur bi al-ṭāghūt wa yu’min billāh faqad istamsaka bi al-‘urwat al-wusqā li infīṣam lahā wa Allāh samī’ ‘alīm – Allāh walīy alladhīna āmanū yukhrijuhum min al-ẓulumāti ilā al-nūr wa alladhīna kafarū awliyāuhum al-ṭāghūt yukhrijūnahum min al-nūr ilā al-ẓulumāt ulāika aṣḥāb al-nār hum fīhā khālidūn*: (Barangsiapa menginkari angkatan taghut (syaitan – semua yang melampau batas hak dan kebenaran) lalu ia percaya kepada Allah, maka sesungguhnya ia telah berpegang teguh kepada simpulan yang kukuh kuat tiada huraiannya, bahawasanya Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui. Allah Pemimpin segala orang Mukmin, Ia mereka mengeluarkan mereka dari gelap gelita kepada nur cahaya. Adapun sekalian orang kafir itu, pemimpin-pemimpin mereka ialah angkatan taghut yang mengeluarkan mereka dari nur cahaya kepada kegelapan, mereka itulah isi neraka, mereka di dalamnya berkekalan selama-lamanya).

Kalau Tuhan Rabbulalamin memimpin kita sudah pasti kita pandai, sudah tentu kita kuat dan akhirnya kita menang dan berjaya. Jadi orang Mukminlah yang pandai, dialah yang kuat dan dialah yang menang dan berjaya. Hanyalah orang Mukmin yang diharap mengibarkan panji-panji kebenaran dan keadilan yang membawa rahmat bahagia zahir batin, ke seluruh alam.

Orang yang bijaksana menurut ukuran Islam ialah orang Mukmin. Makin tinggi iman seseorang semakin tinggilah kebijaksanaan dan kecerdasannya: *Wa alladhīna jāhadū finā lanahdiyannahum subulanā wa inna Allāh lama’a al-muḥsinīn*.

Orang Mukmin akalnya tajam, tinjauannya dalam,

pendapatnya tepat, basirahnya menembusi tabir-tabir yang menyelubungi alam ini. Ia melihat apa yang tidak dilihat orang lain dan merasai apa yang tidak dirasai orang lain. Pendiiriannya kukuh dan teguh ibarat gunung batu. Kerana apa? Kerana nur iman yang bersemayam di dalam kalbunya.

Buktinya: Junjungan kita Nabi Muhammad *ṣallāllahu ‘alaihī wasalam*. Beliau adalah *ummī*, buta huruf, tidak pernah masuk sekolah apa pun juga. Tetapi dengan iman beliau telah berjaya membentuk dan membina suatu umat – umat Islam. Dibangkitkannya umat yang pada mulanya umat jahiliah lalu menjadi umat *musallamah lillāh*, umat kamilah, umat yang sempurna rohani dan jasmani, umat wasatan, umat pertengahan, tidak condong ke timur dan ke barat, tidak kapitalis dan tidak komunis, *lā sharqīyyah wa lā gharbīyyah*. *Shuhadā’ ‘alā al-nās* – contoh teladan yang baik bagi manusia, membawa rahmat bagia, rahmatan lil’alamin.

Lihat al-Khulafā’ al-Rāshidīn empat serangkai: Abū Bakar, Umar, Uthmān dan Alī yang sentiasa disebut atas minbar tiap-tiap hari Jumaat dan hari raya sebagai peringatan dan iktibar kepada umat Islam.

Lihat Sa’ad bin Abī Waqās, Abū Ubaydah Āmir bin al-Jarāh, Khālīd bin al-Walīd dan sahabat-sahabat Nabi *Riḍwān Allāh ‘alayhim*, yang tadinya pada zaman serba Jahiliyah sebelum iman menyinari diri mereka, mereka hanyalah pengembala unta dan kambing di padang pasir. Ketika itu mereka tidak pernah bermimpi bahawa mereka akan dapat melawan dan mengalahkan salah sebuah dari dua negara besar Rom dan Parsi. Tiba-tiba mereka dengan kekuatan iman, muncul di tengah kedua-dua negara itu bukan sebagai tawanan tetapi sebagai pahlawan yang menang, sebagai pemerintah dan pengatur negara dan masyarakat, bukan sebagai penjajah dan penindas tetapi sebagai juru selamat

untuk mengeluarkan manusia dari gelap gelita kejahilan kepada nur iman, dari perhambaan manusia kepada perhambaan Allah, dari kezaliman kepada keadilan Islam, dan dari kemelaratan kepada kemakmuran ... cuba buka sejarah Islam!

Mereka itu “*rijāl rabbāniyyūn*” laki-laki *rūhāniyyūn* yang telah menguasai sejarah. Merekalah: *Khayr ummat ukhrijat li al-nās ya ‘murūna bi al-ma’rūf wa yanhawna ‘an al-munkar wa yu‘minūna billāh* (sebaik-baik umat yang dikeluarkan untuk kebahagiaan seluruh manusia, menyuruh kepada kebaikan, menegah daripada kemunkaran dan percaya kepada Allah). *Alladhīna in makkannāhum fi al-arḍ aqāmū al-ṣalāh wa ātū al-dhakāh wa amarū bi al-ma’rūf wa nahū ‘an al-munkar wa lillāh ‘āqibah al-umūr* (mereka, jika kami menjadikan mereka berkuasa di bumi, mereka mendirikan lah sembahyang, mengeluarkan zakat, menyuruh dengan perkara-perkara yang baik dan melarang dari perkara-perkara yang keji, dan bagi Allah jua (kesudahan segala urusan).

Merekalah yang telah mempunyai kepandaian dan kekuatan, yang sebenar-benarnya telah menjadi tentera Tuhan, hizbullah yang menang dan berjaya: *Innā lananṣur rusulanā wa alladhīna amanā fi al-hayāh al-dunyā wa yawma yaqūmu al-ashhād*. (sesungguhnya Kami mesti menolong pesuruh-pesuruh Kami dan segala orang Mukmin di dalam kehidupan dunia dan pada hari berdirinya saksi-saksi – hari Kiamat). Demikianlah jaminan Ilahi kepada pesuruh-pesuruh-Nya dan kepada sekalian orang Mukmin. *Sadaqa wa’dah*. Siapakah menyamai sahabat-sahabat Nabi itu pada mengatur masyarakat dan pemerintahan dan menandingi budi pekerti mereka... pada segala kesempurnaan kemanusiaan? Merekalah yang sebenarnya, yang telah membawa rahmat bagi seluruh alam.

Semuanya itu ialah disebabkan iman kepada Allah! Itulah rahsia kekuatan kita, inilah pangkal kejayaan dalam masa kegemilangan kita dahulu, dan inilah juga sumber kekuatan dan kemenangan kita pada masa ini. Dan akan datang.